

STPM Kertas 1 2014:

Soalan 5 Jawapan yang dicadangkan

(a) Tiga prinsip kawalan dalaman:

1. Pengasingan tugas

Prinsip ini memerlukan tugas-tugas merekod, memegang, melulus dan pengauditan dipertanggungjawabkan kepada individu-individu yang berbeza. Lebih banyak pengasingan tugas bererti lebih sukar untuk penyelewengan berlaku. Contoh: Bagi aktiviti pembayaran, tugas menyediakan baucar pembayaran dan cek, meluluskan pembayaran dan menandatangani cek adalah individu yang berbeza.

2. Kawalan fizikal, mekanikal atau elektronik

Prinsip ini memerlukan kawalan dari segi akses kepada sistem perakaunan atau bilik, penggunaan peralatan dan pengawasan pergerakan dikhaskan kepada pegawai-pegawai tertentu sahaja. Contoh: Hanya pegawai akaun yang boleh mengakses rekod-rekod perakaunan dengan menggunakan kata laluan yang sah.

3. Pendokumentasian

Prinsip ini memerlukan organisasi mewujudkan dan melaksanakan sistem pendokumentasian yang lengkap di mana setiap urusan niaga mesti disokong oleh dokumen yang relevan dan setiap dokumen mestilah bersiri supaya mudah dikesan. Contoh: Borang pesanan digunakan setiap masa apabila perniagaan ingin membuat pesanan.

(b) (i) Penyata Pendapatan Perniagaan sudut kraf:

Gerak kerja:

1. Pengiraan jumlah jualan

	RM	RM
Baki akhir pelanggan		7,900
(+) Kutipan tunai dibankkan	130,000	
Belanja pelbagai	2,730	
Deposit belum dikreditkan (2,920 + 1,020)	3,940	
Ambilan	1,800	138,470
Jumlah jualan		146,370

2. Pengiraan belian dan kos jualan:

$$\text{Belian} = 1,685 + 79,200 + 360 = 81,245$$

$$\text{Kos jualan} = 81,245 - 5,700 = 75,545$$

Perniagaan Sudut Kraf		
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2013		
	RM	RM
Jualan		146,370
Tolak: Kos jualan		75,545
Untung kasar		70,825
Tolak: Belanja operasi		
Belanja gaji pekerja	34,100	
Belanja utiliti (4,960 + 540)	5,500	
Belanja sewa (10,500 / 15 x 12)	8,400	
Belanja susut nilai kenderaan (22,600 / 5)	4,520	
Belanja perjalanan (22,500 x 20%)	4,500	
Belanja cukai jalan (90 / 12 x 10)	75	
Belanja insurans (780 / 12 x 10)	650	
Belanja faedah	750	
Belanja pelbagai	2,730	61,225
Pendapatan bersih		9600

(ii) Penyata kedudukan kewangan

Perniagaan Sudut Kraf			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2013			
	RM	RM	RM
Aset bukan semasa			
Kenderaan (22,600 – 4,520)			18,080
Aset semasa			
Inventori		5,700	
Akaun belum terima		7,900	
Pelbagai prabayar (2,100 + 15 + 130)		2,245	
Tunai di bank		33,100	
		48,945	
Liabiliti semasa			
Akaun belum bayar	1,685		
Utiliti belum bayar	540	2,225	
Modal kerja			46,720
			64,800
Dibiayai oleh:			
Ekuiti pemilik			
Modal		45,000	
(+) Untung bersih		9,600	
(-) Ambilan (18,000 + 1,800)		19,800	34,800
Liabiliti Jangka Panjang			
Pinjaman dari Puan Laily			30,000
			64,800

Nota:

Pengiraan baki akhir bank

= Penerimaan – Pembayaran

= (205,000 + 2,920 + 1,020) – (175,480 + 360)

= 208,940 - 175,840 = RM33,100